

PANDUAN



# MENYAMBUT CAHAYA MATA DALAM ISLAM

NORWARIZA MOHD HED

Panduan

# MENYAMBUT CAHAYA MATA



Oleh:  
Ustazah Norwariza Mohd Hed

© Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. 2014

Sebarang bahagian di dalam buku panduan ini tidak boleh dicetak kembali, dipindah milik dalam apa jua format samada mekanikal, elektronik, rakaman, fotokopi, imbasan atau sebarang format simpanan bagi tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. Kecuali bagi tujuan ulasan dan kegunaan peribadi.

# ISI KANDUNGAN

<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>Azan dan Iqamah</b>	<b>3</b>
<b>Tahnik</b>	<b>10</b>
• Waktu yang Disunatkan Melakukan Tahnik	12
<b>Menamakan Anak</b>	<b>15</b>
• Membaca Doa Ketika Memberikan Nama Anak	15
1. Nama memberi kesan kepada kehidupan	16
2. Waktu memilih nama	17
3. Siapakah yang berhak memberi nama	17
4. Nama anak mesti dibinkan kepada bapanya, bukan ibunya	17
5. Pilihan nama yang baik	17
6. Contoh nama-nama yang digemari syarak	18
7. Elakkan daripada memberi nama-nama yang haram	18
8. Seboleh-bolehnya hendaklah menjauhi nama-nama yang makruh	19
9. Menukar kepada nama yang baik	20
<b>Bercukur</b>	<b>21</b>
• Hukum memotong Rambut dan Meninggalkan Sebahagian Lagi Rambutnya	22
• Hikmah Bercukur	23
<b>Khitan atau Bersunat</b>	<b>24</b>
• Pengertian Khitan atau Bersunat	24
• Waktu Berkhitan	25
• Hukum Khitan	26
• Adat Resam Melayu Dalam Berkhitan	26

<b>Sedekah</b>	<b>28</b>
• Perbezaan Zakat, Sedekah dan Cukai Pendapatan	32
<b>Aqiqah</b>	<b>36</b>
• Pengertian Aqiqah	37
• Hukum Aqiqah	38
• Kadar dan Masa Aqiqah	40
• Waktu Paling Baik untuk Melaksanakan Aqiqah	42
• Perbezaan antara ibadah Aqiqah dengan Korban	43
• Pembahagian Daging Aqiqah	44
• Bersedekah dengan Kesemua Daging Aqiqah	46
• Bersedekah Daging Aqiqah kepada Orang Bukan Islam	47
• Menjual Daging Lebihan Aqiqah atau Sebahagian daripada Haiwan Aqiqah	48
• Syarat Sah Aqiqah	49
• Sunat-sunat Aqiqah	50
• Hikmah Aqiqah	51
• Perkara yang Dilarang Semasa Melakukan Aqiqah	54
<b>Penyusuan Ibu</b>	<b>56</b>
• Khasiat Susu Ibu	57
• Petua Penyusuan yang Berjaya	58
• Penyusuan Susu Ibu — Pandangan Islam	59
• Faedah Penyusuan Susu Ibu	62
<b>Penutup / Kesimpulan</b>	<b>66</b>
<b>Program Aqiqah di Kemboja</b>	<b>67</b>



## PENGENALAN

Anak adalah anugerah Allah SWT yang menjadi pengikat kasih sayang suami isteri dan penyambung zuriat keturunan umat seterusnya. Kehadiran anak sentiasa dinantikan oleh pasangan yang baru menjalani kehidupan berumah tangga.

Suami dan isteri pasti gembira dan teruja akan kelahiran anak ini, lebih-lebih lagi bagi pasangan yang baru menimang cahaya mata pertama. Keazaman untuk menjaga, mencurahkan kasih sayang dan mentarbiah anak-anak pasti tersemat di hati ibu bapa sebaik menerima khabar akan kehadiran orang baharu dalam hidup mereka.

Anak merupakan amanah Allah dan tanggungjawab yang besar kepada ibu bapa. Sebaik anak dilahirkan, tanggungjawab mentarbiah, menjaga dan menyediakan nafkah kepada anak tergalas di bahu ibu bapa.

Anak yang lahir juga mempunyai hak-hak yang perlu dipenuhi oleh ibu bapa, iaitu hak-hak duniawi seperti makan, minum dan pakaian. Manakala hak-hak ukhrawi pula seperti bertafa'ul (beranggapan baik) dan mendoakan kesejahteraan anak-anak dengan melakukan aqiqah, bercukur, bertahnik, memberikan nama yang baik dan melaksanakan khitan.

Keghairahan menimang cahaya mata kadang-kadang tidak sempurna apabila penerapan dan tanggungjawab yang dituntut di sisi syariat tidak diendahkan. Ibu bapa tidak menyedari betapa pentingnya ibadah-ibadah yang patut dilaksanakan untuk anak-anak.

Salah satu punca masalah sosial yang berlaku di kalangan anak-anak adalah disebabkan oleh kelalaian ibu bapa serta penekanan terhadap aspek material dan duniawi yang berlebihan. Sesungguhnya, Islam mempunyai manhaj (cara) yang sungguh indah bagi menyambut kelahiran bayi.

Rasulullah SAW bersabda, "Setiap anak dilahirkan secara fitrah, kedua-dua ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Pepatah Melayu juga ada menyebut: 'Bagaimana acuan begitulah kuihnya.' Kedua-duanya menekankan tanggungjawab ibu bapa mendidik dan merawat anak-anak. Hal ini bermakna tugas ibu bapa bukan sahaja mendidik diri sendiri menjadi manusia yang baik, malah mendidik anak sejak dalam kandungan sehingga ia lahir ke dunia. Anak memerlukan perhatian dan bimbingan daripada ibu bapa.

Semoga dengan adanya buku ini dapat membantu dan menjadi panduan kepada ibu bapa yang bakal menerima kehadiran cahaya mata. Sahsiah anak-anak adalah cerminan watak dan peribadi ibu bapa. Semoga dengan usaha dan doa daripada ibu bapa yang soleh bakal melahirkan generasi Muslim dan Muslimah yang baik budi pekerti dan berakhlak mulia. Amin...



## AZAN DAN IQAMAH

Setelah lebih kurang sembilan bulan menempuh pelbagai keindahan, kepayahan dan kesabaran ketika mengandung, maka tibalah saat yang dinanti-nantikan, iaitu menyambut kelahiran cahaya mata, si penerus zuriat.

Maka, selamilah firman Allah SWT; **“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.”** (surah at-Tin : ayat 4-6)

Allah yang Maha Pengasih terus memberi pesan; **“Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepada-Nya.”** (surah ad-Dhuha : ayat 11)

Sewaktu isteri bersabung nyawa melahirkan anak, suami seharusnya berada di sisi si isteri agar dapat mendorong semangat dan menzahirkan doa untuk isteri

dan anak selamat mengharungi detik-detik yang amat indah tetapi mendebarkan. Di samping mendorong dan memberi motivasi kepada ibu, si ayah juga harus memperbanyakkan doa kepada Allah SWT, beristighfar, berselawat dan membaca surah al-Hashr.

Firman Allah SWT; “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).” (surah Luqman : ayat 14)

Tatkala ini terlintasilah segala pahit manis kehidupan suami dan isteri sebelum hadirnya cahaya mata yang ditunggu-tunggu. Lahirnya anak ke dunia disambut dengan penuh kasih sayang dan harapan.

Terkenanglah segala amal, dosa, taburan bakti mahupun khilaf yang akhirnya Allah memberi satu lagi nikmat iaitu kelahiran zuriat penerus syariat. Kenangan tersebut akan terhenti apabila terdengar jerit tangis anak yang baru lahir ini. Tunduk sujudlah bagi yang beringat dan bagi yang bersyukur.

Seawal dalam kandungan, bayi yang baru lahir mempunyai deria pendengaran yang baik. Hal ini menyebabkan deria pendengarannya sangat peka terhadap rangsangan. Islam menganjurkan agar mengazankan bayi



di telinga kanannya dan iqamah di telinga kirinya. Oleh itu, bapa disunatkan supaya mengazan dan mengiqamahkan anak yang baru lahir sebagai didikan pertama untuk mengenal bapanya yang perlu ditaati.

Selain itu, mengazan dan mengiqamahkan bayi yang baru lahir bertujuan mengingatkan bayi tersebut akan perjanjiannya dengan Allah SWT sewaktu berada di alam rahim.

Berdasarkan keterangan ayat al-Quran dalam surah al-A'raf ayat 172, roh telah berjanji dengan Allah secara berdialog sebelum roh ditiupkan ke dalam jasad manusia. Firman Allah SWT; "Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku, Tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini."

Pada saat kelahiran ini juga, iblis mahu menepati janjinya untuk menggoda setiap anak Adam yang lahir ke dunia ini agar terpesong haluannya dan mudah diperdaya oleh raja segala nista dan fitnah iaitu dajal.

Oleh yang demikian, sebagai khalifah Allah (ibu dan ayah), janganlah lupa akan nasihat kekasih Allah agar anak yang baru lahir diazan dan diiqamahkan supaya terhindar daripada segala bisikan iblis.

Rasulullah SAW memberi teladan sewaktu menyambut kelahiran keturunannya (Ahlul Bait) yang suci. Firman Allah SWT dalam warkah cinta-Nya kepada Rasulullah SAW dalam surah al-Ahzab ayat 33; "Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu – wahai 'Ahlul Bait' dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)."

Kesucian zuriat dan keturunan Rasulullah ini sangat terpelihara. Semasa Rasulullah dijemput oleh Allah SWT pada malam Israk dan Mikraj, terjadi beberapa peristiwa penting. Antaranya adalah seperti yang telah diriwayatkan oleh Al-Bazzar: "Nabi SAW pada malam Israk telah diperlihatkan dengan azan dan diperdengarkan kepadanya di atas langit yang ketujuh. Kemudian Jibrail mendatangnya, lalu dia menjadi imam kepada ahli langit. Antara mereka ialah Nabi Adam a.s. dan Nabi Nuh a.s., Allah SWT menyempurnakan kemuliaan baginya ke atas penduduk langit dan bumi."

Rasulullah SAW meneruskan sunnah mengenai azan dan iqamat ini terhadap kedua-dua cucu baginda iaitu Hasan dan Husain. Baginda mengazankan cucunya ditelinga kanan dan mengiqamatkannya pada telinga kirinya. Seperti dalam hadis yang dicatatkan oleh Abi Rafi', "Nabi SAW mengazani telinga al-Hasan ketika dilahirkan oleh Fatimah r.a." (Hadis riwayat Abu Daud, At-Tirmizi dengan sanad shahih).

Ibnu Abbas meriwayatkan: "Nabi SAW mengazani telinga kanan Hasan bin Ali pada hari kelahirannya dan mengiqamati telinga kirinya."

Sesungguhnya sunah ini amat penting dilakukan bagi setiap Muslim yang mencintai Allah kerana Allah amat mencintai Rasul-Nya, Muhammad SAW dan Rasulullah amat mencintai Ahlul Baitnya. Firman Allah Taala; "Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diinginiya)." (surah al-Kauthar :ayat 1-3).

Terdapat banyak hadis yang diriwayatkan mengenai kasih sayang Rasulullah SAW terhadap zuriat keturunannya. Antara hadis-hadisnya, "Fatimah adalah belahan hatiku", dan "Hassan dan Hussin adalah penghulu syurga."

Lantaran itu, al-Baihaqi ada meriwayatkan mengapa azan dilakukan sewaktu menyambut kelahiran bayi, hadisnya tertulis sebegini: Daripada Ibnu as-Sinni daripada al-Hasan bin Ali dengan sanad marfu': "Siapa yang mendapat kelahiran anak lalu mengazanilah pada telinga kanannya dan mengiqamati pada telinga kirinya, maka tidak akan dicelakakan jin."

Oleh yang demikian, lakukanlah sunnah ini tanpa ragu dalam keadaan berwuduk, mulakanlah dengan ucapan basmallah disertai selawat. Dukung bayi anda dengan

kepalanya di tangan kiri anda lalu azankan dengan terang dan jelas di telinga kanannya. Selepas itu dukunglah anak yang disayangi itu dengan kepalanya di tangan kanan anda, dan iqamatkan di telinga kirinya.

Laungkanlah dengan penuh kesyukuran...

الله أكبر، اللهُ أكبرُ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ  
أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ  
حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ  
حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ  
الله أكبر، اللهُ أكبرُ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ

Lafazkanlah azan dengan penuh makna. Dari segi bahasa azan memberi maksud "al-i'lam" (pemberitahuan) atau "an-nida" (seruan), seperti firman Allah SWT; "Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan sembahyang, mereka menjadikan sembahyang itu sebagai ejek-ejekan dan permainan. Yang demikian itu ialah kerana mereka suatu kaum yang tidak berakal." (surah Al-Maidah : ayat 58)

Sebagai tanda ingatan daripada Allah dan Rasul-Nya bahawa kelahiran bayi anda adalah untuk meneruskan hal

kebenaran, menyebarkan betapa agama Islam ini adalah agama yang penuh dengan cinta dan kasih sayang, menjadi contoh sebagai manusia Muslim yang hidupnya penuh santun dan teratur. Agama Islam ini hak maka keadilan hak itu mestilah ditegakkan.

Lemahkan nafsu dan usaha iblis sejak dari hari pertama kelahiran anak anda. Tunjukkanlah bahawa anda dan keluarga adalah pencinta Allah dan Rasul-Nya yang sejati. Semoga dengan laungan azan, roh syariat dapat ditiupkan ke dalam hati zuriat yang baru dilahirkan agar anak ini mencintai solat dan melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

Allah bersifat Maha pengasih dan Maha Penyayang. Allah mengingatkan kita menerusi firmanNya dalam al-Quran; "Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar." (surah al-Asr : ayat 1-3)



## TAHNIK

Tahnik dari segi bahasa bermaksud lelangit di dalam mulut, (al-Marbawi, Kamus Idris al-Marbawi: 153). Pakar bahasa menyebut maksud amalan tahnik ialah perbuatan mengunyah buah tamar atau seumpamanya lantas digosok tamar tersebut pada lelangit mulut bayi. (Al-Nawawi, *Sharh sahih Muslim* 1/462).

Tahnik juga dikenali sebagai amalan “belah mulut” dalam masyarakat kampung. Tahnik merupakan sunah Nabi yang perlu dilakukan oleh seseorang terhadap bayinya. Para ulama bersepakat mengatakan tahnik sunat dilakukan. Barang siapa yang melakukannya, maka baginya pahala, sebaliknya barang siapa yang tidak melakukannya, tidak berdosa. Ia seperti hukum aqiqah, ia adalah sunah bukan wajib. Walau bagaimanapun, ia merupakan satu perkara yang sangat dituntut.

Tahnik afdal dilakukan dengan buah tamar. Jika tiada tamar, boleh gunakan *rutob* (tamar muda). Jika tiada, boleh gunakan sesuatu makanan lain yang manis. Lebih elok jika didahulukan madu daripada makanan manis yang lain, dan jangan menggunakan makanan yang telah dimasak. Seeloknya, dibukakan sedikit mulut bayi supaya ia boleh

menelan cebisan buah tamar tersebut. Tujuan tahnik mengikut ulama adalah untuk menguatkan otot mulut dan rahang bayi dengan pergerakan lidah bagi melatih bayi menyusu secara semula jadi. (Ibn Hajar, *Fath al-Bari* 15/390).

Tahnik juga bertujuan untuk memohon kepada Allah SWT supaya anak yang dilahirkan mempunyai lidah yang fasih dan terkawal daripada menyebut perkara-perkara yang tidak berfaedah dan mendatangkan maksiat. Walaupun tahnik boleh dilakukan oleh orang yang soleh, namun bapa kepada anak tersebut lebih diutamakan untuk melakukannya kerana hadis riwayat oleh at-Tirmizi menyebutkan salah satu doa yang paling mustajab ialah doa ibu bapa untuk anaknya.

Anas bin Malik r.a. menceritakan, aku telah membawa Abdullah bin Abi Talhah ketika beliau dilahirkan kepada Rasulullah SAW ketika baginda memakai jubah (*aba'ah*) sambil menginaikan untanya. Lantas baginda bertanya, "Adakah kamu mempunyai buah tamar?" Aku menjawab, "Ya." Lalu aku menghulurkan beberapa biji buah tamar, dan Rasulullah SAW memasukkan ke dalam mulutnya. Lalu baginda mengunyah buah tamar itu, kemudian membuka mulut baginda dan mengeluarkan semula tamar yang dikunyah dan disuapkan ke mulut bayi itu.

Lantaran itu bayi tersebut menggerak-gerakkan lidahnya untuk menghisap tamar tersebut. Kemudian baginda bersabda, "Yang disukai orang Ansar ialah tamar dan namakannya dengan nama Abdullah." (Hadis riwayat Muslim 3995, Lihat al-Nawawi, *Sharh sahih Muslim* 7/269).

Hadis ini menunjukkan sunah mentahnik bayi yang baru dilahirkan dan ia adalah sunah sebagaimana ijmak ulama. Ia juga menunjukkan afdal melakukan tahnik dengan buah tamar.

## Waktu yang Disunatkan Melakukan Tahnik

Al-Bukhari membuat satu bab khusus dalam kitab sahihnya iaitu "Bab menamakan bayi dan mentahniknya pada petang kelahiran bayi sekalipun belum dilakukan aqiqah".

*(Ibn Hajar, Fath al-Bari 15/390)* menyatakan, sekiranya bayi tersebut lahir pada waktu tengah hari, tahnik boleh dilakukan pada waktu petang kelahirannya.

Tujuan atau hikmah tahnik sebagaimana disebut ulama ialah untuk melatih bayi makan atau minum. Oleh itu, ia perlu disegerakan pada hari kelahirannya dan tidak perlu ditangguhkan sehingga hari ketujuh sebagaimana yang dilakukan oleh segelintir masyarakat Melayu di sini.

Ibadah tahnik ini lebih afdal dilakukan oleh seorang yang dikenali dengan ketakwaan dan kesolehannya untuk mengambil keberkatan daripadanya. Mudah-mudahan bayi itu akan mengikut jejak langkah beliau.

Di negara kita, kebiasaannya masyarakat lebih suka meminta pertolongan para ustaz atau alim ulama melakukan tahnik untuk anaknya. Mereka mungkin menganggap ini adalah satu sunah atau mungkin kerana mereka inginkan keberkatan ustaz tersebut. Perkara ini mempunyai persamaan dengan perbuatan yang telah dilakukan oleh



para sahabat dengan membawa anak mereka berjumpa Rasulullah SAW untuk mentahnikkan bayi mereka.

Imam al-Bukhari dan Muslim menyebut tentang hadis Abu Bardah yang dinukilkan daripada Abu Musa r.a katanya: "Telah dilahirkan untukku seorang bayi lelaki lalu aku membawanya kepada Nabi SAW dan baginda menamakannya Ibrahim, lalu ditahnikkannya dengan sebiji buah kurma." Manakala al-Bukhari r.a pula menambah: "Nabi SAW mendoakannya agar mendapat keberkatan lalu menyerahkannya kepadaku." Anak itu merupakan anak sulung Abu Musa." (Hadis riwayat al-Bukhari dalam kitab *al-Aqiqah* dan dalam kitab *al-Adab*, manakala Muslim dalam kitab *al-Adab*).

Dalam melakukan ibadah tahnik, seeloknya bapa, ibu atau ahli keluarga yang lain seperti datuk atau nenek kepada bayi itu sendiri yang melakukan tahnik untuknya. Sekiranya ingin juga meminta para ustaz atau ulama melakukan tahnik kepada bayinya, janganlah sampai menganggap kerana air liur atau tangan ustaz tersebut boleh membawa berkat kepada anaknya. Sekalipun ada ulama yang mengatakan sunat meminta orang alim atau soleh melakukan tahnik untuk anak kita (Al-Nawawi, *Sharh sahih Muslim*), namun perkara tersebut ditolak oleh ulama lain.

Jika kita melihat hadis-hadis atau *athar* para sahabat, selepas kewafatan Rasulullah SAW, tiada satu pun cerita yang diriwayatkan mengisahkan orang ramai berjumpa para sahabat besar seperti Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali dan lain-lain untuk meminta mereka melakukan tahnik kepada bayi-bayi yang baru dilahirkan. Hal ini jelas membuktikan

bahawa perbuatan meminta orang-orang soleh atau alim ulama melakukan tahnik tidak dilakukan oleh para al-salaf al-soleh. Justeru, bapa atau ibu kepada bayi tersebut boleh melakukan sunah tahnik sendiri tanpa perlu pergi mencari ustaz-ustaz untuk melakukannya.

Selain itu, berkaitan tahnik yang dilakukan dengan menggunakan air zam-zam, kesemua hadis menceritakan bahawa Rasulullah SAW hanya mengunyah buah tamar apabila melakukan tahnik.

Namun, dalam kitab *Akhbar Makkah* karangan al-Fakihi, terdapat satu *athar* yang *mursal* daripada Ata' bahawa Habib berkata kepada Ata', "Aku perlu membawa air zam-zam?" Jawab Ata', "Ya, sesungguhnya Rasulullah SAW membawa air zam-zam dalam botol lalu mengtahnikkan Hasan dan Husain dengannya menggunakan tamar ajwah." (al-Fakihi, *Akhbar Makkah*). Walaupun hadis ini *mursal*, namun ia masih disokong oleh dalil-dalil umum yang menjelaskan kewajaran mengambil berkat dengan air zam-zam, atau berubat dengannya. Maka, tidak menjadi kesalahan menggunakan air zam-zam untuk melakukan tahnik.

Mudah-mudahan sunah yang kita lakukan dengan niat ikhlas, mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT, insya-Allah.



## MENAMAKAN ANAK

Nama seseorang manusia adalah tanda dan alamat untuk dirinya. Tanpa nama, seseorang insan sukar dikenali dan dipanggil. Oleh itu, apabila seorang bayi dilahirkan, wajib bagi penjaganya memberikan satu nama kepada bayi tersebut. Imam Ibn Hazm menukilkan kesepakatan ulama tentang wajib memberi nama kepada anak lelaki dan perempuan.

Setiap anak itu hendaklah diberikan nama yang baik-baik kerana nama itu sendiri merupakan doa terhadap diri anak tersebut.

Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya kamu akan diseru pada hari kiamat dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu, maka indahkanlah nama kamu." (Riwayat Abu Daud)

### Membaca Doa Ketika Memberikan Nama Anak

"Ya Allah wahai Tuhan kami, jadikanlah nama yang diberikan ini memberi keberkatan kepadanya, pandukan segala usahanya ke arah keredhaan-Mu, jadikan menuntut ilmu sebagai matlamatnya dan akhirkannya dengan amal-amal soleh. Ya Allah wahai Tuhan kami, lanjutkanlah

usianya dalam ketaatan kepada-Mu dan kepada Rasul-Mu dan jadikan tubuh badannya dalam keadaan sihat walafiat. Ya Allah, jadikan ia pemimpin di waktu dewasa, teguhkan imannya sepertimana iman para nabi-Mu sehingga hari kiamat. Ya Allah kurniakan ia rezeki yang halal dan berkat, dekatkanlah ia dengan kebaikan dan jauhkan ia daripada kejahatan dengan rahmat-Mu, Ya Allah yang Maha Pengasih."

Janganlah kita memandang remeh apabila hendak memberikan nama anak kerana nama yang diberikan itu akan menjadi label untuk dirinya sampai bila-bila. Nama inilah yang akan tercatat dalam sijil kelahiran, kad pengenalan, lesen memandu, sijil-sijil akademik sehinggalah pada sijil kematiannya. Jika nama yang diberikan memberi maksud yang tidak baik, dia akan dikenali dengan nama itu sehingga akhir hayatnya. Bukan itu sahaja, orang yang memberikan nama juga akan mendapat malu. Sebagaimana pepatah (Arab) menyebut, "Melalui namamu, sudah kukenal siapa ayah kamu."

Oleh itu, sebelum memberikan suatu nama bagi anak yang lahir, wajar diperingatkan dengan beberapa perkara. Secara ringkasnya seperti berikut:

- 1. Nama memberi kesan dalam kehidupan seseorang**  
Pepatah (Arab) menyebut: "Bagi setiap yang empunya nama, pasti ada bahagian daripada namanya". Hakikat ini diperakui oleh Ibnul Qayyim. Katanya: "Kebanyakan orang yang hina, nama mereka munasabah dengan diri mereka. Dan kebanyakan orang mulia dan tinggi, nama mereka sesuai dengan diri mereka."

## **2. Waktu memilih nama**

Dalam sunah Nabi SAW, terdapat kelonggaran semasa memberi nama. Sama ada pada hari pertama atau dalam masa tiga hari pertama, atau pada hari ketujuh selepas bayi dilahirkan. Pilihlah mana-mana yang digemari.

## **3. Siapa yang berhak memberi nama?**

Jika kedua-dua ibu bapa bersetuju dengan satu nama, maka ia adalah suatu perkara yang baik. Tetapi, kadangkala mereka berselisih. Dalam situasi ini, bapa lebih berhak menentukan nama anaknya. Namun, jika kuasa veto bapa boleh menjejaskan keharmonian keluarga, eloklah dicari nama yang dipersetujui oleh kedua-duanya atau minta orang lain memberikan nama yang elok, sebagaimana sesetengah sahabat meminta Nabi SAW meletakkan nama anak-anak mereka.

## **4. Nama anak hendaklah dibinkan dengan bapanya, bukan ibunya**

Demikianlah arahan Allah Taala dalam surah al-Ahzab, ayat 5 yang bermaksud, "Serulah mereka dengan nama bapa-bapa mereka."

## **5. Pilihlah nama yang baik**

Nama yang baik ialah nama yang sebutannya elok dan maknanya juga baik. Pepatah (Arab) menyebut, "Kewajipan ayah terhadap anaknya ialah memilih baginya ibu yang baik, memberinya nama yang baik, dan mengajarnya adab yang baik."

## 6. Contoh nama-nama yang digemari syarak

Nama-nama yang digemari syarak adalah nama-nama yang baik seperti:

- Abdullah dan Abdul Rahman
- Nama yang dimulakan dengan 'Abdul' seperti: Abdul Malik dan Abdul Aziz.
- Nama para Nabi seperti: Muhammad, Ibrahim, dan Musa.
- Nama orang-orang soleh seperti nama-nama para sahabat.

## 7. Mengelak daripada memberi nama-nama yang haram

Umat Islam dianjurkan supaya tidak menamakan bayi mereka dengan nama-nama yang haram seperti:

- Nama 'Abdul' yang dihubungkan dengan selain Allah kerana Abdul bermaksud 'hamba'. Oleh itu haram memberi nama Abdul Syams, Abdul Qamar, Abdul Nabi, Abdul Husain, dan seumpamanya.
- Nama yang khas untuk Allah sahaja seperti: Ar-Rahman, Al-Khaliq.
- Nama-nama berhala seperti: Al-Laah, Al-Uzza, Isaaf dan Naelah.
- Nama yang menunjukkan sifat yang tidak layak bagi

diri seseorang, seperti: Malikul Amlak (Raja segala raja) atau Sayyid al-Naas (Penghulu segala manusia).

- Nama-nama Syaitan seperti: Al-Walhan, Al-A'war, dan Al-Ajda'.

## **8. Menjauhi nama-nama yang makruh**

Kita hendaklah menjauhi menamakan bayi dengan nama-nama yang makruh seperti:

- Nama yang membawa maksud sesuatu yang kurang disenangi seperti: Al-Harb (peperangan), Fadhih (Yang membuka aib), Suham (sejenis penyakit unta).
- Nama-nama yang memberi makna yang merangsang nafsu, contohnya: Fatin (penggoda).
- Nama-nama yang membawa maksud dosa dan maksiat, contohnya: Sariq (pencuri).
- Nama-nama seperti: Firaun, Qarun dan Haman.
- Nama-nama haiwan yang terkenal dengan sifat dan perumpamaan yang tidak elok, contohnya: Himar (keldai), dan Al-Kalb (anjing).
- Nama-nama yang digabungkan dengan perkataan 'Al-Din' (Agama) dan 'Al-Islam' contohnya: Dhiyauddin, Saiful Islam, Nurul Islam, dan seumpamanya. Tujuannya adalah untuk memelihara kedua-dua nama ini (Al-Din dan Islam daripada menjadi nama individu yang tidak layak).

- Nama-nama yang digabungkan daripada dua nama. Para salaf dahulu tidak memberi nama melainkan satu perkataan sahaja. Pada zaman terkemudian, baharulah timbul nama-nama gabungan, seperti: Muhammad Ali, Ahmad Yunus dan lain-lain.

### **9. Menukar kepada nama yang baik**

Jika ditakdirkan seseorang diberikan nama yang tidak menepati kehendak syarak, seperti nama yang diharamkan, maka penyelesaiannya ialah dengan menukar nama tersebut. Dalam hadis disebut bahawa Rasulullah SAW menukar nama yang buruk kepada nama yang baik. (Oleh at-Tirmizi.)

Kesimpulannya, kita sebagai umat Islam sangat digalakkan supaya memberi nama kepada bayi dengan nama-nama yang indah dengan maksud yang baik dan terpuji bertepatan dengan tuntutan syarak.





## BERCUKUR

Daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Nabi SAW mengaqiqah seekor kambing untuk cucunya dan berseru: "Hai Fatimah, cukurlah rambutnya dan bersedekahlah dengan perak kepada orang-orang miskin seberat timbangan (rambut)nya. Mereka berdua lalu menimbanginya, adalah timbangannya waktu itu seberat satu dirham atau sebahagian dirham." (Hadis riwayat at-Tirmizi)

Rasulullah SAW melaksanakan aqiqah, memberi nama dan mencukur rambut cucu-cucu baginda, Hasan dan Husin lalu menimbang rambut tersebut dan disamakan beratnya dengan nilai perak, kemudian disedekahkan kepada fakir miskin.

Ulama masa kini mengatakan bahawa penggunaan nilai emas dibolehkan menggantikan nilai perak tersebut.

Ibn Ishak daripada Abdullah bin Abu Bakar daripada Muhammad bin Ali bin Husen r.a. mengatakan: "Rasulullah SAW mengeluarkan aqiqah untuk Hasan berupa seekor domba (kibas). Baginda bersabda, 'Hai Fatimah, cukurlah (rambut) kepalanya dan bersedekahlah perak seukuran rambutnya'."

Mencukur rambut bayi merupakan amalan sunat yang dilakukan terhadap bayi lelaki dan perempuan pada hari ketujuh kelahirannya. Cara bercukur yang telah digariskan dalam Islam adalah seperti berikut:

- Rambut anak yang baru lahir itu perlu dicukur keseluruhannya, kemudian timbang rambut tersebut.
- Dapatkan nilai perak atau emas seberat rambut yang telah ditimbang.
- Sedekahkan wang tunai seperti nilai yang diperoleh daripada timbangan berat rambut tadi kepada fakir miskin atau orang yang layak menerimanya.

## Hukum Memotong Rambut dan Meninggalkan Sebahagian Lagi Rambutnya

Terdapat amalan orang Melayu ataupun sebahagian umat Islam yang hanya memotong sebahagian daripada rambut dan membiarkan sebahagiannya. Amalan ini dinamakan al-qaza'. Amalan ini adalah makruh di sisi Islam. Nabi SAW secara terang melarang amalan ini seperti yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim: **"Rasullulah SAW melarang kita daripada al-qaza' (mencukur sebahagian rambut dan membiarkan sebahagian yang lainnya)."**

Larangan ini menjadi makruh seperti yang dinyatakan oleh Ibn Qayyim kerana Allah dan Rasul-Nya mencintai keadilan dan kesempurnaan. Keadilan dan kesempurnaan ini termasuklah keadilan menjaga keperibadian Islam dari segi penampilan. Mencukur sebahagian kepala dan membiarkan

sebahagiannya dianggap sebagai menzalimi bahagian tubuh badan. Perbuatan ini bertentangan keperibadian Muslim yang sejati. Rasulullah amat menginginkan umat Islam berketerampilan baik dan menarik. Sedangkan Terdapat empat jenis al-qaza', iaitu:

- Rambut anak dicukur beberapa tempat sahaja, iaitu dicukur di suatu sudut dan sudut tertentu sahaja.
- Rambut anak dicukur atau dipotong di bahagian tengah, manakala sisinya dibiarkan.
- Rambut anak dicukur atau dipotong di bahagian sisi dan dibiarkan bahagian tengahnya.
- Rambut anak dicukur atau dipotong di bahagian depannya dan dibiarkan bahagian belakangnya.

## Hikmah Bercukur

Amalan bercukur mempunyai hikmah tertentu. Dari segi kemasyarakatan, bercukur dapat menggalakkan amalan bersedekah di samping menzahirkan rasa kesyukuran di atas nikmat kurniaan Allah SWT. Selain dapat membantu golongan miskin, ia juga menanamkan semangat kerjasama dan saling bantu-membantu dalam masyarakat.

Manakala dari sudut kesihatan pula, amalan bercukur ini dapat menguatkan daya ingatan, membuang dan membersihkan selaput kekotoran di kulit kepala bayi yang datang daripada rahim supaya rambut baru akan tumbuh dengan sihat dan cantik.



## KHITAN ATAU BERSUNAT

Khitan berasal daripada perkataan al-khatn, iaitu tempat yang dipotong daripada kemaluan lelaki dan perempuan. Namun terdapat pendapat yang mengatakan perkataan khitan hanya dikhaskan kepada lelaki.

Manakala perempuan dipanggil al-khafadh. Dari segi istilah, al-khitan adalah memotong sebahagian anggota tubuh tertentu.

Abu Hurairah r.a. berkata Rasulullah SAW telah bersabda, "Fitrah itu lima, iaitu khitan, memotong bulu di kemaluan, menggunting misai, memotong kuku dan mencabut bulu ketiak." (Maksud hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

### Pengertian Khitan atau Sunat

Dalam istilah syarak, khitan atau sunat bermaksud memotong kulit yang mengelilingi kepala zakar di bawah hasyafah. Namun bagi perempuan, khitan berbeza iaitu memotong sedikit kulit yang ada di atas tempat keluar air kencing. Ianya cukup sekadar mengambil sebahagian kecil bahagian kulit dan tidak boleh berlebihan.

Hal ini berdasarkan kepada hadis Ummu 'Athiyyah r.a. bahawa ada seorang wanita yang berkhitan di Madinah, lalu Nabi SAW bersabda, "Janganlah kamu memotong berlebihan, sebab yang demikian itu lebih membahagiakan perempuan dan paling disukai suaminya."

Walaupun hadis ini dhaif, namun terdapat dua lagi hadis yang menyokong dan diriwayatkan oleh Anas dan Ummu Aiman.

Khitan sunat dilakukan tidak kira terhadap kanak-kanak lelaki atau perempuan seperti yang terkandung dalam hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad maksudnya, "Khitan itu disunatkan bagi kaum lelaki dan dimuliakan bagi kaum wanita."

Walaupun ia dikatakan sunat, namun terdapat ulama yang mengatakan ia wajib berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Zuhri bahawa Nabi SAW bersabda, "Bagi sesiapa yang baru memeluk Islam, wajiblah berkhitan sekalipun ia sudah dewasa."

## Waktu Berkhitan

Khitan boleh dilakukan pada hari pertama anak itu dilahirkan kerana apabila ia sudah sempurna akal, ia tidak perlu lagi bimbang tentang urusan berkhitan. Khitan mempunyai hikmah tertentu. Antaranya adalah:

- Untuk memastikan kebersihan dan kesucian terjamin semasa melakukan ibadah terutamanya sembahyang.

- Untuk menghindarkan diri daripada bahaya dan penyakit yang boleh timbul akibat tidak berkhitan.
- Ibadah ini menunjukkan keistimewaan agama Islam berbanding agama lain dan menunjukkan kesyumulan agama Islam yang merangkumi semua aspek.

## Hukum Khitan

Para fuqaha dan imam mujtahid sepakat mengatakan bahawa khitan itu sunat untuk wanita dan tidak wajib. Hanya imam Ahmad mengatakan ia wajib untuk lelaki dan wanita.

Hal ini terkandung dalam hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud, **“Khitan itu disunatkan bagi kaum lelaki dan dimuliakan bagi kaum wanita.”**

Bagi Imam Ahmad pula, beliau berpendapat bahawa berkhitan hukumnya wajib bagi lelaki manakala bagi perempuan hanyalah digalakkan sahaja.

## Adat Resam Melayu dalam Berkhitan

Pada masa sekarang, kurang dijalankan kenduri berkhitan secara besar-besaran seperti zaman dahulu. Walau bagaimanapun, masih ada segelintir umat Islam yang melaksanakannya mengikut adat resam Melayu. Kebiasaannya apabila anak sudah menjangkau usia sepuluh atau dua belas tahun, ibu bapa anak yang akan dikhitankan itu akan menetapkan hari untuk mengadakan kenduri bersunat.

Pada malam sebelum kenduri, anak lelaki yang hendak dikhitankan akan dimandikan, diandam dan dipakaikan dengan pakaian yang cantik. Adakalanya pelamin akan disediakan untuk disandingkan anak lelaki sebelum bersunat. Bahkan ada juga majlis berarak anak tersebut seperti berarak pengantin. Ada pula yang mengadakan majlis khatam al-Quran, sekiranya anak yang hendak disunatkan sudah khatam al-Quran. Anak tersebut akan duduk bersila di atas tikar atau pelamin di hadapan tetamu dan membaca surah-surah juz Amma.

Selesai majlis khatam al-Quran, tetamu akan diberi hadiah berupa bunga telur, manakala untuk guru yang mengajar anak itu membaca al-Quran, kebiasaannya dihadiahkan sepersalinan pakaian. Tetamu akan dijamu dengan pelbagai hidangan.



## SEDEKAH

Sedekah merupakan perbuatan sunat yang dianjurkan oleh Islam. Imam Samarqandy, pengarang kitab *Tanbihul Ghafilin* ada mengatakan, "Biasakan diri anda untuk terus bersedekah, sama ada dalam jumlah kecil mahupun besar. Kerana, dalam sedekah itu ada sepuluh manfaat; lima akan diberikan di dunia, dan lima lagi akan diberikan di akhirat kelak."

Sedekah berasal daripada perkataan Arab, iaitu sadaqah. Maksudnya memberi sumbangan kepada fakir miskin dengan hati yang ikhlas tanpa mengharap apa-apa balasan.

"Sedekah itu diambil daripada orang-orang kaya untuk orang-orang miskin yang ada di antara kamu (kaum Muslimin)." (Maksud hadis Nabi)

"Kamu sekali-kali tidak akan mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menderma sebahagian apa yang kamu sayangi. Dan apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui." (Surah ali-Imran : ayat 92)



“Sedekah itu menghapuskan kesalahan seperti air memadamkan api.” (Hadis riwayat at-Tirmizi)

“Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang daripada kamu sampai ajal kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan berkata: Wahai Tuhanku alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi orang yang soleh.” (Surah al-Munafiqun : ayat 10).

“Bandingan (pemberian) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, sama seperti sebiji benih yang tumbuh mengeluarkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.” (Surah al-Baqarah : ayat 261).

“Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepadamu, sebelum datang hari yang tiada jual beli, tiada lagi persahabatan yang akrab dan tiada lagi syafaat padanya. Dan orang kafir itu adalah golongan zalim.” (Surah al-Baqarah : ayat 254).

Sedekah adalah amalan sunat, namun ia akan menjadi wajib sekiranya seseorang itu berniat nazar untuk menyedekahkan sesuatu. Ada ulama berpendapat, zakat tergolong dalam kategori sedekah wajib. Bagi mencapai kesempurnaan dalam bersedekah, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian. Antaranya:

1. Sedekah dapat membersihkan harta serta menyucikan diri si pemberi.

Firman Allah SWT; “Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya) dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan.” (Surah al-Baqarah : ayat 265)

2. Lebih afdal sekiranya sedekah itu dilakukan secara senyap dan tidak diuar-uarkan kepada orang lain, apatah lagi menghebah-hebahkannya. Bersedekahlah seperti tangan kanan yang memberi, tetapi tangan kiri tidak mengetahuinya.

Firman Allah SWT; “Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang) maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik) dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah lebih baik bagi kamu dan Allah akan menghapuskan sebahagian daripada kesalahan-kesalahan kamu dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (Surah al-Baqarah : ayat 271).

3. Barang yang hendak disedekahkan mestilah dari sumber yang halal dan bukan yang haram atau syubhah (tidak jelas hukum halal atau haramnya).
4. Barang yang hendak disedekahkan hendaklah dalam keadaan baik dan masih boleh diguna pakai lagi. Allah melarang kita bersedekah kepada orang lain dengan barang-barang yang buruk dan sudah tidak boleh digunakan lagi. Hal ini kerana bersedekah merupakan salah satu ibadat yang menzahirkan tanda kesyukuran kita kepada Allah SWT atas nikmat-Nya.
5. Sedekah harus diikuti dengan keikhlasan hati, tidak merungut, mengungkit atau boleh menyakiti hati orang yang menerima sedekah tersebut.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 264 maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak) dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir."

Sedekah menambahkan harta bukan mengurangi harta orang yang bersedekah. Sesungguhnya Allah SWT akan menggantikan harta orang yang bersedekah dengan yang lebih baik daripada yang telah disedekahkannya.

Rasulullah SAW pernah bersabda, "Apabila matahari terbit di awal pagi, terdapat dua malaikat menyeru kepada manusia di bumi. Yang satu menyeru 'Ya Tuhanku, kurniakanlah ganti kepada orang yang membelanjakan hartanya.' Maka yang satu lagi menyeru, 'Ya Tuhanku, musnahkanlah orang yang kedekut (yang tidak membelanjakan hartanya)'."

## Perbezaan Zakat, Sedekah dan Cukai Pendapatan

### Zakat

1. Wajib dikeluarkan apabila cukup syarat-syaratnya. Syarat wajib menunaikan zakat ialah seperti berikut:
  - Islam.
  - Merdeka (hamba abdi tidak wajib berzakat kecuali zakat fitrah).
  - Milikan sempurna dan tidak bersangkutan dengan orang lain.
  - Cukup nisab, iaitu paras nilai minimum yang ditetapkan. Nisab adalah bersamaan 85 gram emas nilai semasa.

- Cukup haul bermaksud genap setahun harta disimpan.
2. Kadar yang wajib dikeluarkan ditentukan oleh syarak.
  3. Zakat wajib dikeluarkan sekali dalam setahun.
  4. Hanya harta tertentu sahaja yang diwajibkan zakat. Antaranya ialah zakat emas, zakat harta, zakat Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP), zakat pendapatan, zakat perak, zakat perniagaan, zakat saham, zakat ternakan, zakat wang simpanan dan zakat pertanian.
  5. Zakat diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak, iaitu:

**Fakir** — Orang yang tidak berharta serta tidak mempunyai pekerjaan, atau orang yang mempunyai harta dan pekerjaan tetapi tidak dapat menampung keperluan hariannya.

Contohnya, keperluan sehari sebanyak RM10, tetapi hanya mempunyai RM2.

**Miskin** — Orang yang mempunyai harta tetapi tidak mencukupi keperluan hariannya.

Contohnya, keperluan sehari sebanyak RM10, tetapi hanya mempunyai RM7.

**Amil** — Orang atau pekerja yang ditugaskan oleh pemerintah untuk mengutip atau mengagih zakat.

**Mualaf** — Orang yang baru memeluk Islam.

**Riqab** — Hamba yang menebus dirinya secara ansuran.

**Al-Gharimin** — Orang yang menanggung hutang dan tidak mampu untuk menyelesaikannya.

**Fisabilillah** — Orang yang berjuang di jalan Allah.

**Ibnu Sabil** — Musafir yang terputus bekalannya semasa di perantauan.

## **Sedekah**

- Sunat dikeluarkan apabila mempunyai lebih harta daripada keperluan hidup.
- Kadar atau jumlah yang dikeluarkan tidak ditetapkan oleh syarak.
- Sebarang harta yang halal, bukan haram atau syubhah (tidak jelas hukum halal atau haramnya).
- Tidak ditentukan kepada golongan yang tertentu.
- Dilaksanakan bila-bila masa apabila ada lebih harta.

## **Cukai Pendapatan**

- Harus dikeluarkan oleh individu yang cukup syarat, seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

- Kadar atau jumlah cukai ditentukan oleh kerajaan.
- Cukai diambil daripada pendapatan yang diperolehi daripada pelbagai sumber.
- Hasil kutipan diagih-agihkankan untuk keperluan rakyat dan negara.
- Dibayar sekali dalam setahun.



## AQIQAH

Syariat aqiqah telah dilakukan sejak zaman jahiliah, namun caranya berbeza dengan cara yang dituntut oleh Nabi Muhammad SAW bagi umat Islam.

Buraidah meriwayatkan dan berkata: “Dahulu kami pada masa jahiliah apabila salah seorang di antara kami mempunyai anak, ia menyembelih kambing dan melumuri kepalanya dengan darah kambing itu. Maka setelah Allah mendatangkan Islam, kami menyembelih kambing, mencukur (menggondol) kepala si bayi dan melumurinya dengan minyak wangi.” (Hadis riwayat Abu Dawud)

Daripada Aisyah r.a. berkata: “Dahulu orang-orang pada masa jahiliah apabila mereka beraqiqah untuk seorang bayi, mereka melumuri kapas dengan darah aqiqah, lalu ketika mencukur rambut si bayi, mereka melumurkan pada kepalanya. Maka Nabi SAW bersabda, ‘Gantilah darah itu dengan minyak wangi’.” (Hadis riwayat Ibnu Hibban dengan tertib Ibnu Balban)

Ibadah aqiqah telah menjadi amalan manusia berkurun lamanya, iaitu sejak zaman jahiliah (sebelum Islam) di Tanah Arab. Namun, pelaksanaannya tidak mengikut syariat dan



bercanggah dengan akidah Islam. Kedatangan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW tidak menolak amalan ini. Malah menambahbaikkan amalan sedia ada yang bertujuan untuk melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT setelah dikurniakan anak. Sesungguhnya Islam sememangnya menitikberatkan amalan yang mulia dan agama yang syumul, sesuai dengan amalan dan uruf manusia. Ibadah aqiqah ini bukan sahaja memberi perlindungan kepada anak, tetapi turut memberi faedah yang banyak kepada ibu bapa.

## Pengertian Aqiqah

Aqiqah berasal daripada perkataan 'Aqq yang bererti memutus dan melubangi. Ada pendapat mengatakan bahawa aqiqah adalah nama bagi haiwan yang disembelih, dinamakan demikian kerana lehernya dipotong. Selain itu maksud aqiqah seperti yang dinyatakan oleh 'Ubaid, Ashmu'i dan Zamakhsyari adalah rambut yang tumbuh sejak lahir di atas kepala bayi.

Menurut istilah hukum syarak, aqiqah ialah penyembelihan haiwan tertentu untuk kepentingan anak, di samping mencukur atau memotong rambutnya dan diberi nama untuk anak itu. Rambut itu dinamakan aqiqah kerana ia harus dipotong. Imam Ibnu Qayyim dalam kitabnya *Tuhfatul Maudud* mengatakan bahawa Imam Jauhari berkata, "Aqiqah ialah menyembelih haiwan pada hari ketujuh selepas kelahiran bayi dan mencukur rambutnya." Ibnu Qayyim berkata lagi, "Berdasarkan keterangan ini, jelaslah bahawa aqiqah itu disebut demikian kerana mengandungi dua unsur di atas dan ini lebih utama."

Imam Ahmad dan jumhur ulama berpendapat bahwa dari segi syarii, aqiqah adalah sama maksudnya dengan ibadah korban, yaitu penyembelihan. Namun, Syeikh Zamakhsyari menganggap rambut yang tumbuh di kepala bayi itu adalah asas kepada aqiqah. Manakala penyembelihan itu adalah sebahagian daripada ibadah aqiqah itu sendiri.

Setelah meneliti kesemua definisi yang dinyatakan di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa aqiqah bermaksud: "Penyembelihan ternakan seperti kambing, unta, biri-biri, kibas dan seumpamanya bagi anak yang baru lahir pada hari ketujuh kelahiran."

## Hukum Aqiqah

Imam Syafie dan jumhur ulama berpendapat, hukum melaksanakan aqiqah adalah sunat muakad. Sunat muakad merupakan ibadah sunat yang amat dituntut dalam Islam, bahkan Nabi Muhammad SAW juga tidak pernah meninggalkan ibadah sunat ini.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Berserta anak itu ada aqiqah, maka alirkanlah darah untuknya, dan singkirkanlah sesuatu yang membahayakan daripadanya." (Maksud hadis riwayat at-Tirmizi)

"Tiap-tiap anak itu tertebus (terpelihara daripada kemudaratan dan kemungkarannya) dengan aqiqahnya, disembelih haiwan untuknya pada hari ketujuh, dicukur kepalanya dan diberi nama." (Riwayat Ahmad dan at-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Imam Malik menyatakan bahwa, hukum aqiqah ini adalah perintah yang tidak dapat diperselisihkan lagi. Imam Ibnu Qayyim pula menyabitkan aqiqah dengan nilai korban seekor kambing yang dikurniakan oleh Allah SWT sebagai ganti diri untuk Nabi Ismail a.s.

Maka dengan itu, difahamkan bahwa penyembelihan aqiqah untuk anak yang dilahirkan berguna untuk melindungi bayi daripada gangguan syaitan.

Hukum melaksanakan aqiqah untuk anak yang baru dilahirkan adalah sunat dan sangat digalakkan dalam Islam. Pendapat yang sedemikian adalah pendapat jumhur imam-imam dan ahli fiqh. Oleh itu hendaklah ibu bapa melaksanakannya jika ada kemampuan untuk menghidupkan sunah Rasulullah SAW ini. (Sehingga ia juga akan menerima keutamaan dan pahala di sisi Allah SWT).

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis, "Sesungguhnya manusia pada hari kiamat nanti akan diminta tanggungjawabnya atas aqiqah, sebagaimana akan diminta tanggungjawabnya atas solat-solat lima waktu."

Namun begitu terdapat juga ulama yang menyatakan hukum bagi aqiqah itu wajib. Pendapat ini dinyatakan oleh mazhab Zahiri yang dipegang oleh Hassan al-Basri. Hal ini berdasarkan pemahaman mereka kepada hadis yang diriwayatkan oleh Samurah yang menyatakan, "Setiap anak yang dilahirkan itu digadaikan dengan aqiqahnya, yang disembelih baginya pada hari ketujuh dan dilemparkan penyakit daripadanya."

Daripada hadis ini mereka berpendapat si anak tidak dapat mensyafaatkan ibu bapa sekiranya tidak beraqiqah. Maka wajiblah bagi ibu bapa untuk melakukan aqiqah untuk anak-anak.

Kesimpulannya, pendapat Imam Syafie dan jumhur adalah pendapat yang paling arjih (kuat). Oleh itu, hukum aqiqah adalah sunat dilakukan, malah ianya menjadi sunat muakad, iaitu ibadah sunat yang sangat dituntut dalam Islam. Namun hukum aqiqah ini akan menjadi wajib apabila seseorang itu bernazar melakukan aqiqah.

## Kadar dan Masa Aqiqah

Aqiqah merupakan ibadah sunat yang dituntut mengikut kadar dan masa yang tertentu, namun terdapat kelonggaran bagi kadar dan masa pelaksanaannya. Haiwan untuk pelaksanaan ibadah aqiqah perlu memenuhi syarat-syarat yang serupa dengan haiwan-haiwan untuk ibadah korban.

Jenis Haiwan	Umur Minimum
Kibas	Satu tahun atau telah gugur gigi hadapannya sesudah ia berumur enam bulan.
Biri-biri, domba dan kambing	Melebihi satu tahun apabila gugur gigi susun atau gigi hadapannya.
Lembu dan kerbau	Melebihi dua tahun.
Unta	Melebihi lima tahun.

Haiwan-haiwan yang hendak dibuat aqiqah ini hendaklah terdiri daripada haiwan ternak dalam keadaan tidak sakit, tidak cacat, tidak buta, tidak bunting dan tidak terlalu kurus.

Kadar afdal bagi ibadah aqiqah ini adalah dua ekor kambing bagi anak lelaki, manakala bagi anak perempuan memadai dengan seekor kambing sahaja. Hal ini berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a., "Rasulullah SAW memerintahkan kepada kami supaya menyembelih aqiqah untuk anak lelaki dengan dua ekor kambing dan seekor untuk anak perempuan."

Namun kadar ini tidaklah menjadi kemestian dan kewajipan bagi ibu bapa untuk dilaksanakan. Ibadah ini juga memadai dilakukan dengan menyembelih seekor kambing bagi anak lelaki sekiranya kurang berkemampuan. Hal ini kerana Nabi SAW pernah beraqiqah dengan seekor kibas untuk setiap seorang cucunda baginda, Hasan dan Husin.

Daripada Ibnu Abbas, Rasulullah SAW bersabda, "Mengaqiqahi Hasan dan Husin dengan seekor kambing dan seekor kambing." (HR. Abu Dawud, Ibnu Jarud dalam kitab *al-Muntaqa*, Thabrani dengan sanad sahih sebagaimana dikatakan oleh Ibnu Daqiqiel 'led)

Selain itu, ibadah aqiqah ini sah dilakukan dengan bahagian lembu yang dikongsi dengan tujuh bahagian. Begitu juga dengan haiwan lain seperti kibas, kerbau dan unta. Selain itu, kesemua bahagian lembu, kerbau atau unta ini sah dikongsi dengan ibadah korban. Hal ini sesuai dengan hadis Rasulullah SAW yang menjelaskan

bahawa sah hukumnya apabila aqiqah dilaksanakan dengan bahagian lembu. Ia sama seperti korban sama ada hendak mengaqiqahkan semuanya atau mengaqiqahkan separuh sahaja, manakala yang separuh lagi diniat korban.

Hadis Rasulullah SAW, "Tiap-tiap anak itu tertebus (terpelihara daripada kemudaratan dan kemungkar) dengan aqiqahnya, disembelih haiwan untuknya pada hari ketujuh, dicukur rambutnya dan diberi nama."

Ibnu al-Qayyim menegaskan bahawa aqiqah bertujuan untuk melepaskan bayi tersebut daripada godaan syaitan dalam urusan dunia dan akhirat.

## Waktu Paling Baik untuk Melaksanakan Aqiqah

Dalam menentukan waktu yang terbaik untuk seseorang itu melaksanakan aqiqah, kita perhatikan pandangan Imam Ahmad Ibnu Hambal yang menyatakan bahawa penyembelihan aqiqah dilaksanakan pada hari ketujuh selepas kelahiran bayi. Jika tidak dapat dilaksanakan pada hari ketujuh itu, maka boleh dilakukan pada hari keempat belas. Jika tidak dapat juga, maka lakukanlah pada hari kedua puluh satu. Sekiranya pada hari-hari tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana tidak berkemampuan, maka penyembelihan boleh dilakukan pada hari-hari lain.

Rasulullah SAW bersabda, "Seorang anak terikat dengan aqiqahnya yang disembelih pada hari ketujuh, dan dicukur rambut serta diberi nama." (Hadis riwayat Ahmad & at-Tirmizi)

Sebenarnya, tiada had umur yang spesifik bagi individu melakukan ibadah aqiqah. Namun ada pendapat yang mengatakan bahawa had umur untuk melaksanakan aqiqah ialah sehingga anak itu baligh. Walau bagaimanapun, mengikut pandangan Dr. Wahbah az-Zuhaili di dalam kitabnya *Fiqh al-Islami Wa Adilatuhu*, aqiqah tidak dikhususkan kepada anak yang masih kecil, ibu bapa boleh juga melaksanakan aqiqah anaknya walaupun selepas anak itu sudah baligh kerana tiada tempoh akhir bagi ibadah aqiqah. Walau bagaimanapun, bagi individu yang sudah baligh dan masih belum melakukan ibadah aqiqah, tidak menjadi masalah sekiranya dia ingin melaksanakan aqiqah untuk dirinya sendiri.

Menurut Mazhab Imam Hambali, seseorang itu boleh melaksanakan aqiqah bagi dirinya sendiri sebagai suatu keharusan, bukan sebagai suatu tuntutan. Hal ini kerana tuntutan pelaksanaan aqiqah untuk anak adalah tanggungjawab ibu bapa. Namun atas sebab-sebab kealpaan ibu bapa atau kurang berkemampuan, maka individu yang telah baligh atau dewasa boleh melaksanakannya sendiri berdasarkan pandangan Imam Hambali tersebut.

## **Perbezaan antara Ibadah Aqiqah dengan Ibadah Korban**

Terdapat beberapa perbezaan antara aqiqah dengan korban. Antaranya adalah:

1. Pelaksanaan aqiqah dituntut sekali dalam seumur hidup, manakala pelaksanaan ibadah korban disunatkan pada setiap tahun, iaitu pada Hari Raya Haji.

2. Aqiqah adalah ibadah yang boleh dilakukan pada bila-bila masa, manakala ibadah korban adalah ibadah sunat yang telah ditentukan masanya, iaitu pada Hari Tasyrik iaitu pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah.
3. Daging sembelihan aqiqah sunat diagihkan setelah dimasak, adapun daging sembelihan korban pula sunat diagihkan dalam keadaan mentah.
4. Tidak digalakkan mematahkan tulang haiwan sembelihan aqiqah, sebaliknya haiwan sembelihan korban tidak dilarang.
5. Ibadah aqiqah ini adalah tanggungjawab ibu bapa setelah dikurniakan cahaya mata. Ia khusus untuk si anak, manakala ibadah korban pula adalah ibadah yang disunatkan kepada seluruh umat Islam yang mana mengambil kira erti pengorbanan setelah mendapat rezeki dan tidak khusus kepada peringkat umur.
6. Sunat menghadihkan kaki kanan haiwan sembelihan aqiqah kepada bidan yang menyambut kelahiran, berbeza dengan korban, tidak disunatkan demikian.

## Pembahagian Daging Aqiqah

Daging aqiqah sama ada kambing atau selainnya digalakkan supaya tidak disedekahkan dalam keadaan mentah, bahkan disunatkan supaya dimasak terlebih dahulu dengan sedikit rasa manis walaupun aqiqah itu adalah aqiqah nazar. Hal ini sesuai dengan sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis riwayat al-Baihaqi daripada Aisyah r.a., **"Menyedekahkan**



daging aqiqah dalam keadaan sudah dimasak itu adalah sunah.”

Tujuannya ialah untuk bertafa'ul (menaruh harapan baik) terhadap keelokan perangai dan budi pekerti anak yang diaqiqahkan. Hal ini kerana apabila daging aqiqah sempurna dimasak, maka besarlah harapan ibu bapa bahawa anak yang dilahirkan itu sempurna akal dan kehidupannya.

Kemudian daging yang telah dimasak itu diberikan makan kepada fakir miskin dan orang yang layak menerima sedekah, sama ada dengan dihantar masakan itu ke rumah-rumah mereka atau menjemput mereka hadir makan di rumah tempat beraqiqah. Namun, lebih afdal sekiranya masakan tersebut dihantar ke rumah-rumah orang fakir miskin. Inilah salah satu perbezaan yang dapat dilihat dari segi pembahagian daging korban dan aqiqah.

Sunat bagi orang yang beraqiqah memakan sebahagian kecil daripada daging binatang yang diaqiqahkan, selagi mana aqiqahnya itu bukan aqiqah wajib (aqiqah nazar) atau aqiqah kerana wasiat. Dalam hal memakan, menyedekah dan menghadihkan daging aqiqah tersebut, sama keadaannya dengan korban.

Selain itu, semasa memotong daging disunatkan supaya tidak mematahkan atau memecahkan tulang binatang aqiqah itu, bahkan disunatkan supaya memotong dan mengasingkan tulang-tulang itu mengikut sendi-sendinya.

Hal ini sesuai dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud ketika Fatimah binti Muhammad SAW mengadakan

aqiqah anaknya, maka Rasulullah SAW bersabda, “Makan dan jumlah seleramu, tetapi janganlah kamu memecahkan tulangnya.”

Sabda Nabi Muhammad SAW seperti yang telah diriwayatkan oleh Aishah r.a. katanya, “Afdal bagi anak lelaki dua ekor kambing yang sama keadaannya dan bagi anak perempuan seekor kambing. Dipotong anggota-anggota (binatang) dan jangan dipecah-pecah tulangnya.” (Hadis riwayat al-Hakim)

Ini bertujuan untuk bertafa’ul (menaruh harapan baik) agar tulang anak itu nanti tidak pecah dan tidak patah sebagaimana tulang-tulang binatang aqiqah itu. Selain itu, bagi memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT terhadap kurniaan anak, maka mengikut pendapat Imam Syafie menyembelih haiwan aqiqah dan membuat kenduri kahwin pada masa yang sama adalah dibolehkan.

Hal ini kerana tujuan utama dianjurkan ibadah aqiqah adalah sebagai mewujudkan rasa kesyukuran atas kelahiran anak dan juga mengeratkan tali persaudaraan sesama keluarga, jiran, rakan taulan, dan sesama umat Islam yang miskin dengan mengadakan kenduri dan jamuan.

## **Menyedekahkan Kesemua Daging Aqiqah**

Walaupun tujuan sebenar aqiqah adalah untuk bersedekah sebagai melahirkan kesyukuran atas kurniaan anak yang baru dilahirkan, akan tetapi sekiranya seseorang ingin mengambil keberkatan ibadah tersebut dengan memakan sedikit daripadanya adalah dibolehkan. Walau

bagaimanapun, bersedekah dengan semua daging aqiqah tersebut kepada yang memerlukan amatlah baik.

Selain itu, kita dituntut memberikan sebahagian daging aqiqah kepada bidan yang menyambut dan merawat anak yang baru dilahirkan itu, bahkan kita disarankan memberikan kaki belakang sebelah kanan haiwan yang disembelih tersebut kepada bidan berkenaan. Hal ini berdasarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Hakim yang disahihkannya, **“Fatimah telah melakukan hal sedemikian itu atas perintah Rasulullah SAW.”**

## **Bersedekah Daging Aqiqah kepada Orang Bukan Islam**

Kegembiraan serta kesyukuran kita menyambut kelahiran anak tidak akan meriah atau begitu dirasakan jika tidak diraikan bersama saudara-mara terdekat dan jiran tetangga. Oleh itu, mereka perlu merasakan sesuatu bagi sama-sama meraikan kegembiraan kita. Bahagian daging aqiqah yang diagihkan kepada orang Islam dipanggil sedekah, manakala bahagian yang diberikan kepada orang bukan Islam pula dipanggil hadiah.

Sememangnya menjadi hak jiran, sama ada Muslim atau sebaliknya berasa gembira dengan kegembiraan kita dan bersedih dengan kesedihan kita. Oleh itu, menghadihkan sedikit masakan jamuan aqiqah kepada jiran yang bukan Muslim tidak bertentangan dengan tujuan asal sambutan aqiqah itu dianjurkan. Bahkan jika kita tidak menghadihkan sedikit makanan kepada jiran tersebut, ia akan membawa kesan yang kurang baik seperti perasaan kecil hati, tekanan

perasaan anak-anak jiran yang terbau masakan jamuan tersebut, dan sebagainya. Memberi makan kepada orang bukan Islam dapat memberikan imej yang baik kepada mereka bahawa Islam turut menganjurkan hubungan mesra sesama manusia yang berlainan agama selagi mereka tidak memerangi dan menyakiti kita.

## **Menjual Daging Lebihan Aqiqah atau Sebahagian daripada Haiwan Aqiqah**

Ibadah aqiqah adalah satu bentuk amalan sedekah. Malah, sedekah ini amatlah dituntut di sisi Islam. Tujuannya adalah untuk memanjatkan rasa syukur terhadap nikmat Allah atas kelahiran anak dengan berkongsi kegembiraan bersama umat Islam yang kurang bernasib baik.

Namun dengan menjual sebahagian daging aqiqah atau bahagian lainnya daripada haiwan aqiqah ini tidak dapat mencapai tujuan asal ibadah ini.

Selain itu, menjual sesuatu daripada haiwan aqiqah akan menyebabkan nilai sedekah yang ingin dicapai dalam ibadah aqiqah tersebut akan berkurangan. Maka jumhur ulama mengatakan bahawa tidak boleh dijual mana-mana bahagian daripada haiwan sembelihan aqiqah tersebut.

Tetapi, terdapat pendapat daripada ulama mazhab Hambali mengatakan ia boleh dijual asalkan nilai tersebut dimanfaatkan oleh masyarakat awam. Namun adalah lebih baik berbalik kepada tujuan asal ibadah ini, iaitu dengan niat untuk sedekah. Oleh itu, lebih afdal sekiranya menyedekahkan keseluruhan daging dan bahagian

daripada haiwan aqiqah tersebut kepada orang yang lebih memerlukannya seperti fakir miskin dan sebagainya.

## Syarat Sah Aqiqah

Seperti ibadah-ibadah lain, aqiqah juga mempunyai syarat-syarat tertentu bagi menjaga kesempurnaannya. Antara syarat sah aqiqah ialah:

- Berniat aqiqah ketika menyembelih.
- Binatang ternakan berkaki empat iaitu kambing, biri-biri, kibas, lembu, kerbau dan unta.
- Memenuhi syarat-syarat sembelihan.
- Tidak terdapat kecacatan pada binatang tersebut, sama ada kecacatan luaran dan dalaman.
- Disembelih pada waktunya, iaitu pada hari ketujuh selepas kelahiran anak atau pada bila-bila masa sebelum anak tersebut baligh. Setelah baligh menjadi tanggungjawab anak itu untuk mengaqiqahkan dirinya sendiri.
- Binatang yang hendak disembelih sudah cukup umur.

Binatang yang sudah cukup umur untuk dijadikan korban adalah seperti berikut:

Binatang	Umur
Kibas	1 tahun atau lebih
Biri-biri/ kambing	1 tahun atau lebih
Lembu/kerbau	2 tahun atau lebih
Unta	5 tahun atau lebih

## Sunat-Sunat Aqiqah

Ketika melaksanakan ibadah aqiqah, terdapat perkara-perkara yang sunat dilakukan bagi menambah pahala dan amalan umat Islam khususnya ibu bapa, antaranya:

- Dilakukan pada hari ketujuh kelahiran bayi.
- Menyembelih ketika matahari sedang naik (waktu pagi).
- Mencukur rambut bayi selepas penyembelihan.
- Memberi nama yang baik kepada bayi. Ini bertujuan supaya anak ini akan dipanggil dengan nama yang baik dan diharapkan panggilan ini akan menjadi doa terhadap peribadi anak itu sendiri.
- Berdoa ketika hendak menyembelih haiwan aqiqah agar sembelihan diterima Allah dan anak yang dilahirkan itu sempurna iman dan sahsiahnya.

- Daging dimasak dengan rasa manis, seperti mana yang disunatkan oleh Nabi Muhammad SAW.
- Tidak mematahkan sendi tulang binatang tersebut ketika dimasak.
- Daging aqiqah sunat dibuat jamuan atau kenduri dan diagihkan kepada fakir miskin dan orang yang layak menerimanya.
- Disunatkan agar memberi kaki belakang sebelah kanan haiwan sembelihan aqiqah kepada bidan yang menyambut dan merawat anak tersebut. Hal ini bertepatan dengan apa yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW seperti dalam sebuah hadis riwayat al-Hakim bahawa *“Fatimah telah melakukan hal sedemikian itu atas perintah Rasulullah SAW.”*
- Bersedekah dengan emas atau perak seberat rambut bayi yang telah dicukur.
- Mengkhitankan bayi tersebut. Hal ini sesuai dengan sebuah hadis riwayat Imam al-Baihaqi daripada Aisyah r.a., *“Bahawasanya Nabi SAW mengkhitankan Hasan dan Husin pada hari ketujuh dari hari kelahiran mereka.”*

## Hikmah Aqiqah

Setiap ibadah yang dilakukan mempunyai hikmah dan pengajaran yang tersendiri. Sesungguhnya Islam itu tidak memudaratkan untanya malah memberikan banyak faedah dan pengajaran.

Antara hikmah utama bagi ibadah aqiqah adalah seperti yang terkandung dalam hadis di bawah: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Setiap anak yang lahir itu terpelihara dengan aqiqah yang disembelih untuknya pada hari ketujuh (daripada hari kelahirannya), dicukur dan diberi nama." (Riwayat Abu Dawud, at-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Ibnu Majah menerangkan maksud "...terpelihara dengan aqiqahnya..." seperti mafhum ayat di atas bermaksud aqiqah itu sebagai sebab yang melepaskan anak-anak tersebut daripada gangguan syaitan yang cuba menghalangnya daripada melakukan kebaikan. Daripada hadis di atas maka jelaslah aqiqah ini adalah bertujuan melindungi anak-anak daripada kejahatan dan hasutan syaitan yang telah berjanji akan mengganggu anak cucu Nabi Adam sebelum tibanya hari perhitungan. Selain itu terdapat juga hikmah-hikmah lain disunatkan melakukan ibadah aqiqah ini, antaranya:

- Tanda kesyukuran diberikan kekuatan oleh Allah SWT untuk menjalankan syariat Islam dan dianugerahkan anak. Anak merupakan rezeki dan penyambung keturunan di muka bumi. Maka haruslah kita menunjukkan rasa syukur apabila telah dikurniakan anak.
- Menggalakkan amalan sedekah. Sepertimana yang terkandung dalam maksud hadis yang berbunyi: "Apabila matinya anak Adam itu terputuslah baginya segala amalan kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan doa daripada anak yang soleh." (Riwayat Muslim)



- Melepaskan penghalang pada bayi dalam memberi syafaat kepada orang tua mereka. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: **“Untuk anak lelaki itu aqiqahnya. Tumpahkan atasnya darah. Dan hilangkanlah daripadanya kekotoran dan najis.”** (riwayat Abu Daud, at-Tirmizi dan Ibnu Majah).

Menurut Imam Ahmad bin Hambal, apabila seseorang anak itu mati dalam keadaan belum diaqiqahkan lagi, maka ia tidak dapat mensyafaatkan ibu bapanya di akhirat nanti.

- Sebagai mengikuti sunah Rasulullah SAW, iaitu sunat muakad yang mana ibadah sunat yang amat dituntut dan tidak pernah ditinggalkan oleh Nabi SAW.
- Mengukuhkan semangat persaudaraan dalam masyarakat apabila bersama-sama menikmati kenduri dan meningkatkan amalan gotong-royong dalam masyarakat.
- Membuang sifat kedekut, bakhil dan tamak dalam diri.
- Memulakan kehidupan seorang bayi dengan amalan yang baik supaya anak-anak sentiasa diiringi dengan segala kebaikan di dunia dan di akhirat.
- Membiasakan amalan berkorban bagi ibu bapa. Sesungguhnya aqiqah ini mengajar ibu bapa tentang amalan berkorban, iaitu mengorbankan sedikit harta yang ada sebagai tanda kesyukuran terhadap kurniaan Ilahi.

- Ibadah aqiqah dapat menenangkan jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ia merupakan bentuk taqarrub (pendekatan diri) kepada Allah SWT, sekaligus mewujudkan rasa syukur atas kurnia yang dianugerahkan oleh Allah.
- Aqiqah sebagai sarana menzahirkan rasa gembira dalam melaksanakan syariat Islam dan bertambahnya keturunan Mukmin yang akan memperbanyak umat Rasulullah SAW pada hari kiamat kelak.

## Perkara yang Dilarang Semasa Melakukan Aqiqah

Pelaksanaan aqiqah telah dilakukan sejak zaman jahiliah lagi. Orang-orang Arab jahiliah melakukan aqiqah dengan melumurkan darah sembelihan haiwan aqiqah itu ke ubun-ubun (kepala) bayi yang diaqiqahkan. Amalan ini berterusan sehingga kedatangan Islam. Nabi Muhammad SAW melarang umat Islam melakukan amalan sedemikian kerana hukumnya makruh.

Oleh itu, Nabi Muhammad menggantikan amalan melumur darah haiwan aqiqah dengan melumur wangian kasturi di ubun anak-anak.

Hal ini jelas dilarang dalam hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a., **“Mereka pada zaman jahiliah menyapu darah haiwan aqiqah dengan kain lalu dilumur ke atas kepala anak yang baru dilahirkan itu, maka Nabi SAW memerintahkan mereka menukarkan darah tersebut dengan wangian.”**

Terdapat segelintir masyarakat yang mempercayai perkara-perkara karut lain, seperti melumurkan darah sembelihan haiwan korban di pintu rumah untuk mengelakkan sial dan mendapatkan kebaikan. Orang yang melumuri pintu rumah mereka dengan darah aqiqah atau korban adalah salah dan haram di sisi Islam.

Hal ini kerana Rasulullah SAW tidak melakukan perkara seperti itu dan kepercayaan yang mengatakan akan dijauhi syaitan apabila menyapu darah korban ataupun aqiqah pada pintu rumah adalah bertentangan dengan pegangan akidah umat Islam.

Kepercayaan yang melampau ini boleh dianggap sebagai kurafat. Hal ini juga boleh mendatangkan syirik apabila individu menganggap lumuran darah itu yang akan melindungi mereka daripada kejahatan. Hal-hal sebegini boleh menyebabkan penyimpangan akidah seseorang dan tergolong dalam golongan murtad, iaitu keluar daripada agama Islam.



## **PENYUSUAN SUSU IBU / PENYUSUAN BAYI**

Susu ibu adalah makanan semula jadi dan asasi yang dianugerahkan Allah khusus untuk bayi yang baru lahir ke dunia ini. Ia mengandungi segala khasiat yang diperlukan dan mengandungi antibodi yang hebat untuk melindungi bayi daripada jangkitan kuman dan alahan seperti demam kuning, terutamanya pada bulan pertama usia bayi. Susu ibu sentiasa tersedia dalam suhu yang sesuai pada bila-bila masa.

Bayi yang menyusu susu ibu akan berbau harum kerana kurang mengalami muntah-muntah berbanding bayi yang diberi susu fomula. Najis bayi pula tidak terlalu melekit atau keras. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa bayi yang minum susu ibu akan menjadi lebih sihat dan kurang terkena alahan dan mempunyai gigi yang kuat dan sihat.

Di Malaysia, kempen-kempen bagi menggalakkan para ibu untuk menyusukan anak-anak giat dijalankan. Kementerian Kesihatan Malaysia dengan bantuan agensi swasta yang lain mengadakan seminar dan kempen kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan susu ibu bagi tumbesaran anak-anak.

Selain itu, kelas-kelas kaedah penyusuan yang betul juga sering diadakan bagi mendidik kaum hawa untuk memberikan susu dengan cara yang betul dan terbaik kepada bayi yang bakal dilahirkan. Kesedaran ini diberikan bagi menerangkan khasiat yang terkandung dalam susu ibu itu sendiri.

## Khasiat Susu Ibu

"Setiap tegukan dari susu ibu, Allah SWT memberi pahala satu kebaikan."

Bayi yang menyusu susu ibu sepenuhnya akan mengalami kecerdasan fizikal dan mental yang sangat baik. Ibu juga mendapat kebaikan daripada penyusuan tersebut, iaitu dapat menjalinkan hubungan yang rapat dengan anak. Selain itu, hisapan bayi di buah dada akan merangsang hormon yang dapat membantu mengecutkan rahim ibu dengan lebih cepat dan juga mengurangkan pendarahan selepas bersalin.

Ibu yang menyusukan bayi lebih mudah mendapatkan berat dan bentuk badan yang ideal. Justeru, penyusuan yang berpanjangan dapat menghindari barah payu dara dan barah ovari. Tidak kurang pentingnya, penyusuan susu ibu adalah sangat mudah, terutama apabila berada dalam perjalanan, menjimatkan masa dan belanja.

Semua ibu digalakkan menyusui bagi masing-masing dengan susu ibu sepenuhnya selama empat hingga enam bulan dan meneruskannya sehingga anak berusia dua tahun.

Makanan tambahan hanya perlu dimulakan semasa anak berusia enam bulan.

## Petua Penyusuan yang Berjaya

- Persediaan mental dan fizikal seorang ibu sebelum kelahiran adalah penting. Para ibu digalakkan untuk mendapatkan maklumat-maklumat berguna tentang penyusuan susu ibu sejak hamil.
- Ibu perlu yakinkan diri yang susu ibu adalah mencukupi untuk bayi yang bakal dilahirkan.
- Susuilah bayi dalam keadaan tenang dan banyak berehat pada minggu-minggu awal selepas kelahiran bayi.
- Pastikan penyusuan dilakukan dengan posisi yang baik dan selesa supaya tidak terasa lenguh dan mengelakkan masalah seperti sakit puting, sakit belakang dan sebagainya.
- Makan makanan yang seimbang dan minum air yang mencukupi. Elakkan makanan yang diperap seperti jeruk mangga, betik, kedondong dan lain-lain kerana ia boleh menyebabkan bayi mengalami cirit-birit.
- Ingatlah bahawa bekalan susu ibu bergantung kepada rangsangan. Semakin kerap bayi menyusu, maka semakin banyak susu akan dihasilkan.

## Penyusuan Susu Ibu Menurut Pandangan Islam

Setiap bayi yang dilahirkan ke dunia ini sudah pasti memerlukan makanan. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan dengan kuasa-Nya, Dia telah menukarkan makanan yang diserap melalui darah ibu semasa bayi dalam kandungan kepada susu yang mengandungi pelbagai khasiat penting dan perlu untuk tumbesaran bayi yang telah dilahirkan. Susu ibu merupakan makanan asasi bagi bayi yang baru lahir. Penyusuan dalam Islam dipanggil "Radha'ah" yang bermaksud 'memasukkan air susu ibu ke dalam perut seorang kanak-kanak yang umurnya tidak lebih daripada dua tahun'.

Sebagaimana yang telah difirmankan Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 233 tentang penyusuan susu ibu yang bermaksud, "Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika kedua-duanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya

bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan."

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, tempoh penyusuan bagi bayi adalah sehingga dua tahun. Namun begitu, ulama mentafsirkan tidaklah menjadi kewajipan bagi ibu untuk menyusukan anak sehingga dua tahun. Ia boleh dilanjutkan atau dikurangkan mengikut keadaan si anak. Namun begitu, anak-anak berhak mendapat bekalan susu (makanan) secukupnya daripada ibu bapanya sekurang-kurangnya dua tahun. Menceraikan susu adalah dibenarkan dalam Islam sebelum tamat tempoh dua tahun setelah mendapat persetujuan kedua-dua ibu dan bapa, setelah mereka membincangkan kebaikan dan keburukan keputusan yang dibuat serta cara untuk memberi penjagaan yang rapi kepada anak.

Selain itu, bapa bertanggungjawab membantu ibu yang sedang menyusui anak dengan menyediakan keperluan si ibu untuk proses penyusuan. Hal ini secara tidak langsung dapat melancarkan proses penyusuan dan mengurangkan kepenatan si ibu sepanjang tempoh dua tahun itu. Hal ini juga menunjukkan Islam menganggap penyusuan susu ibu itu sebagai kewajipan utama si ibu sambil dibantu oleh si bapa.

Tidaklah menjadi kewajipan bagi ibu kandung si anak untuk menyusukan anaknya jika dia tidak berkemampuan. Ibu dan bapa dibolehkan untuk mengupah wanita lain yang berkemampuan untuk menjadi ibu susuan kepada si anak.



Sama halnya seperti Nabi Muhammad SAW yang mana baginda telah disusukan oleh ibu susuannya iaitu yang pertama Tsuwaibah, hamba kepada Abu Lahab dan yang kedua Halimah Sa'diyah yang berasal dari Bani Sa'ad.

Sudah menjadi kebiasaan bagi bangsawan Arab pada zaman dahulu untuk menghantar anak-anak mereka untuk disusukan oleh wanita Badwi (penduduk nomad yang tinggal di gurun dan pedalaman). Mereka berpendapat tidak sesuai untuk membesarkan anak di bandar kerana udara dan persekitaran di bandar terdedah kepada pencemaran dan suasana hiruk-pikuk.

Oleh itu berdasarkan 'uruf seperti di atas sebenarnya telah memansuhkan ayat 233 daripada surah al-Baqarah menjadikan hukum penyusuan ini tidaklah wajib dilakukan oleh ibu kandung dan tidak terhad selama dua tahun. Sekiranya terdapat perselisihan antara ibu dan bapa tentang penyusuan bayi sehingga ibu tidak mahu menyusukan anaknya, maka si bapa boleh mengupah wanita lain untuk menyusukan bayi tersebut seperti firman Allah SWT dalam surah at-Thalaq ayat 6 yang bermaksud, **“Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.”**

Jika si ibu itu berkehendak untuk menyusukan anaknya, maka dia berhak menyusukannya. Menurut pendapat ulama berdasarkan pendapat yang sahih, suami tidak berhak melarang isterinya menyusukan anaknya sendiri sebagaimana yang telah disahihkan oleh kebanyakan ulama.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 133 yang bermaksud: "Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan kerana anaknya."

Hal ini kerana larangan suami terhadap isterinya untuk menyusukan anak itu boleh mendatangkan kemudaratan kepada si ibu itu sendiri kerana si ibu lebih rapat dengan si anak. Begitulah juga dengan susu ibu, ia lebih serasi dan sesuai jika diberikan kepada anaknya sendiri.

Selain itu, tidak menjadikan kesalahan bagi ibu yang tidak berkemampuan untuk menyusukan anak menggunakan botol susu atau selainnya. Hal ini jelas kerana terdapat ibu yang memiliki susu yang sedikit dan boleh memudaratkan kesihatan diri dan anak sekiranya terus memberikan susu badan kepada anaknya. Sesungguhnya agama Islam itu mudah dan tidak membebankan kaum wanita.

## Faedah Penyusuan Susu Ibu

### Faedah untuk Bayi

- Susu ibu adalah makanan berkhasiat yang lengkap untuk memenuhi keperluan zat dan nutrisi makanan bagi bayi yang baru lahir hingga enam bulan pertama. Susu ibu juga baik untuk pertumbuhan kesihatan dan emosi bayi selepas berusia dua tahun dan seterusnya.
- Bayi yang menyusu susu ibu mempunyai antibodi atau sistem imunisasi yang lebih kuat dan lebih sihat berbanding bayi yang minum susu formula.

- Terdapat kajian yang menunjukkan penyusuan susu ibu boleh menyelamatkan lebih 1 juta bayi yang meninggal dunia setiap tahun akibat cirit-birit dan jangkitan pernafasan.

### **Faedah untuk Ibu**

- Penyusuan susu ibu meningkatkan keyakinan dan ketahanan diri ibu untuk menyediakan penjagaan anak yang berkualiti.
- Penyusuan susu ibu juga melahirkan hubungan yang rapat dan mesra antara ibu dengan anak. Ini penting untuk ibu berkerjaya yang kurang masa untuk bersama bayi mereka.
- Risiko untuk mendapat barah ovari dan barah payudara adalah rendah daripada kalangan berbanding ibu yang tidak menyusukan bayi. Ibu-ibu yang menyusukan bayi juga lebih lambat mendapat penyakit osteoporosis.
- Penyusuan susu ibu membantu ibu-ibu untuk mendapatkan semula berat dan bentuk badan seperti sebelum hamil dengan lebih mudah dan cepat.

### **Faedah untuk Keluarga**

- Penyusuan susu ibu boleh menjarakkan kehamilan. Ia sangat penting bagi sesetengah wanita terutama yang tidak boleh mengamalkan perancang keluarga dengan mengambil pil perancang, implan dan sebagainya.

- Penyusuan susu ibu lebih menjimatkan perbelanjaan dan masa berbanding penyusuan susu fomula. (yang mudah untuk mendapat jangkitan kuman dan penyakit-penyakit lain).

### **Faedah untuk Majikan**

- Majikan yang menyokong pekerjaanya menjalankan tanggungjawab keluarga sambil mengimbangi tugas di tempat kerja boleh mengurangkan masalah pekerja yang kerap ambil cuti, pemberhentian pekerja (akibat anak sakit kerana jangkitan kuman, cirit-birit dan lain-lain) dan dapat meningkatkan produktiviti serta imej organisasi.

### **Faedah Alam Sekitar**

- Penyusuan susu ibu tidak mencemarkan alam sekitar kerana tiada barang buangan seperti susu fomula (tin susu, kotak, botol dan sebagainya).
- Memandangkan lebih ramai wanita yang bekerja memilih untuk menyusukan anak, majikan perlu sentiasa memastikan kebersihan dan keselamatan di tempat kerja, seperti bekalan air minuman yang bersih dan persekitaran yang selesa dan kemas.

### **Faedah Ekonomi**

- Sektor kesihatan dapat menjimatkan wang kerana bayi yang menyusukan susu ibu akan lebih sihat berbanding bayi yang minum susu fomula. Ia juga dapat menjimatkan

wang daripada berhabisan membeli susu fomula atau botol susu.

- Dapat meningkatkan ekonomi negara kerana tidak perlu mengimport pelbagai susu formula dari luar negara.



## **PENUTUP / KESIMPULAN:**

Ketahuiilah dengan terperinci mengenai panduan asas serta ketetapan yang ditelah ditetapkan oleh syarak dalam menyambut cahaya mata. Semoga dengan serba sedikit maklumat yang telah diberikan dalam panduan ini dapat membantu bakal ibu bapa dalam menyambut kelahiran cahaya mata masing-masing. Ingatlah anak itu adalah amanah. Sama-samalah kita memohon kekuatan untuk menjadi ibu bapa yang dapat memberikan sesuatu yang bernilai untuk anak-anak. Tiada apa-apa yang lebih membahagiakan sekiranya kita dapat berkumpul bersama-sama keluarga di akhirat nanti dalam keadaan yang diredhai oleh Allah SWT. Wallahualam.



# AQIQAH

Sejak  
1415H

*Di* **Kemboja**

**MUDAH ♦ MUDAH ♦ MUDAH**

[www.facebook.com/korbanaqiqah.cambodia](http://www.facebook.com/korbanaqiqah.cambodia)

[www.korbanaqiqah.com.my](http://www.korbanaqiqah.com.my)

## Program Aqiqah Di Kemboja

### Ketetapan Mufti



*Sohibus Samahah*

**Okhna Haji Kamaruddin Yusof**

Mufti Kemboja

Program Aqiqah di Kemboja disempurnakan mengikut ketetapan-ketetapan Sohibus Samahah Mufti Kemboja Okhna Haji Kamaruddin Yusof seperti berikut:

Lembu yang dibeli untuk ibadah aqiqah mestilah berumur lebih dua tahun, tidak sakit, tidak cacat, tidak kurus, tidak buta dan tidak bunting. Manakala kambing pula cukup umurnya mengikut ketentuan syarak.

- Lembu dan kambing untuk ibadah aqiqah hendaklah disembelih dan jamuan aqiqah disempurnakan.
- Sijil pengesahan penyempurnaan ibadah aqiqah diserahkan kembali oleh Ahli Jawatankuasa Masjid/ Surau kampung atau wakil Urus Setia kepada Ketua Urus Setia program, YBhg Haji Zakaryya Adam.

## Perbezaan Korban & Aqiqah

1. Daging korban lebih utama disedekahkan kepada fakir miskin dalam keadaan mentah iaitu belum dimasak. Manakala daging aqiqah lebih utama disedekahkan kepada fakir miskin dan boleh juga kepada orang-orang kaya dalam keadaan sudah dimasak. Hadis riwayat al-Baihaqi daripada Aisyah r.a. menyatakan bahawa: **“Menyedekahkan daging aqiqah dalam keadaan sudah dimasak itu adalah sunnah.”** (Maksud hadis)

2. Daging aqiqah sunat dimasak dengan yang manis-manis, dengan doa agar akhlak dan kelakuan anak itu kelak menjadi manis dipandang orang.

3. Tulang-tulang haiwan aqiqah sunat dipotong pada sendi-sendinya, manakala tulang-tulang haiwan korban tidak sedemikian.

4. Tempoh menyembelih ternakan korban hanya 4 hari dalam setahun, iaitu pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah sedangkan menyembelih ternakan aqiqah tidak terbatas kepada hari-hari tersebut, bahkan dapat dibuat pada bila-bila masa yang sesuai.

5. Tuntutan melakukan ibadah aqiqah hanyalah sekali sahaja sepanjang hayat, manakala tuntutan melakukan ibadah korban ialah pada setiap tahun Hijrah.

Sertailah segera ibadah Korban Eidul Adha dan Aqiqah dengan cara yang **MUDAH, MURAH & DIYAKINI.**

[www.korbanaqiqah.com.my](http://www.korbanaqiqah.com.my)